

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 06.10.2025 MASA: 8:30PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM AMALAN 3R
(*REDUCE, REUSE & RECYCLE*), ANUGERAH MAKAN
SIHAT, MAKAN SAMPAI HABIS DAN PENGKOMPOSAN
BAGI SEKOLAH-SEKOLAH DI SEBERANG PERAI
2025-2026**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**8 OKTOBER 2025 (RABU)
9.00 PAGI**

**DEWAN PERSIDANGAN CELL AGRITECH SDN. BHD.
SEBERANG JAYA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

Yang Berusaha Encik Edmund Khoo

Pengurus OCBC Bank, Bukit Mertajam

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

Merangkap Penyelaras Program Amalan Reduce, Reuse &
Recycle (3R) Anugerah Makanan Sihat, Makan Sampai Habis Dan
Pengkomposan Bagai Sekolah-Sekolah Seberang Perai 2025-
2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Guru-Guru, Pelajar-Pelajar Sekolah, Rakan-Rakan Media,
Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Majlis Perasmian Program Amalan 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*), Anugerah Makan Sihat, Makan Sampai Habis dan Pengkomposan Bagi Sekolah-Sekolah di Seberang Perai 2025–2026.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, kerana sudi hadir merasmikan majlis kita pada pagi ini walaupun jadual Yang Berhormat amat padat dan sarat dengan komitmen. Kehadiran Yang Berhormat adalah lambang sokongan padu Kerajaan Negeri terhadap usaha melahirkan generasi muda yang sihat, berdisiplin, serta berjiwa lestari.

3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **Junior Chamber International (JCI) Batu Kawan, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Hospital Columbia Asia, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, serta COE Cell Agritech, Seberang Jaya** yang menjadi rakan kolaboratif menjayakan program ini. Sesungguhnya, program sebesar ini tidak mungkin direalisasikan tanpa dukungan padu daripada pelbagai pihak yang berkongsi aspirasi sama.
4. Hadirin sekalian,
- Program yang kita lancarkan hari ini memberi fokus kepada tiga aspek penting dalam kehidupan seharian:
- a) **Pemakanan sihat**, selaras dengan Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS) anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia. Murid-murid bukan sahaja mendapat nutrisi seimbang, malah dilatih memilih makanan yang menyihatkan tubuh dan minda.
 - b) **Makan sampai habis**, yang menanam sikap menghargai rezeki, mengelakkan pembaziran, serta menanamkan nilai kesyukuran. Statistik menunjukkan sisa makanan merupakan antara penyumbang terbesar sisa pepejal di negara ini, dan percayalah,

dengan langkah kecil seperti menghabiskan makanan, kita sebenarnya sedang melakukan perubahan yang besar.

- c) **Amalan 3R dan pengkomposan**, iaitu mendidik generasi muda untuk menguruskan sisa dengan berhemah, menjadikan bahan buangan sebagai sumber, dan seterusnya mengurangkan jejak karbon bandaraya kita.

5. Program ini juga menggalakkan **persaingan sihat di kalangan sekolah-sekolah rendah dan menengah di Seberang Perai**. Dengan penyertaan dari bulan September 2025 hingga Julai 2026, sekolah-sekolah akan dinilai berdasarkan tahap komitmen dan inovasi mereka dalam melaksanakan amalan hijau.
6. Lebih menarik, pemenang akan menerima hadiah berbentuk **set tong kitar semula** dengan kapasiti berbeza mengikut kategori anugerah bintang. Hadiah ini bukan sekadar penghargaan, malah merupakan **alat pendidikan berterusan** untuk menggalakkan warga sekolah terus mengamalkan budaya kitar semula dalam kehidupan seharian.
7. Hadirin sekalian,
- Saya ingin menegaskan bahawa program ini bukan semata-mata pertandingan atau anugerah, tetapi merupakan **pelaburan jangka**

panjang bagi membentuk **generasi pewaris negara yang lebih sihat, berdisiplin, dan mesra alam.**

8. Justeru, harapan saya agar sekolah-sekolah yang mengambil bahagian menjadikan program ini sebagai satu **transformasi budaya**, bukan sekadar aktiviti bermusim. Biarlah amalan makan sihat, mengelakkan pembaziran, dan mengurus sisa secara lestari menjadi **norma kehidupan seharian pelajar kita.**
9. Saya juga berharap agar semua rakan strategik terus berganding bahu bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam memperkukuhkan inisiatif seumpama ini. Hanya dengan jalinan kerjasama yang erat antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat, barulah kita dapat merealisasikan visi **“Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.”**
10. Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam menjayakan majlis kita hari ini, khususnya pihak penaja, agensi kerajaan, pihak sekolah, para guru, dan pelajar.
11. Semoga Program Amalan 3R, Anugerah Makan Sihat, Makan Sampai Habis dan Pengkomposan Bagi Sekolah-Sekolah di Seberang Perai 2025–2026 ini menjadi pemangkin kepada lahirnya **komuniti sekolah**

yang sihat minda dan tubuh, berakhlak mulia serta bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.